

Saya tidak kisah cakap orang, kata Tengku Adnan
Malaysiakini.com
March 15, 2007
Muda Mohd Noor

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor berkata, beliau tidak mempedulikan cakap-cakap orang mengenai dirinya kerana tumpuannya ialah untuk memajukan industri pelancongan negara.

"Fokus saya ialah untuk memberi pendapatan kepada kira-kira 500,000 orang di seluruh negara dari industri pelancongan," katanya dalam sidang media selepas menyampaikan hadiah mencari harta karun anjuran Kelab Media Kebangsaan (NPC) di pejabatnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC0 hari ini.

Antara penaja program mencari harta karun anjuran NPC itu ialah Air Asia, Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), IOI Palm Garden Resort Putrajaya dan Celcom Sdn Bhd.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai dakwaan seorang wartawan Indonesia, Nila Tanzil yang menulis pengalamannya, termasuk dihalang mengambil gambar di IKEA dalam blognya ketika melawat Malaysia Januari lalu.

Tengku Adnan berkata, beliau tidak mengambil hati mengenai tulisan tersebut kerana bagi beliau itu merupakan pendapat peribadi penulis tersebut.

"Saya sayang wanita...saya lahir dari emak saya dan kawasan Parlimen saya majoritinya wanita," katanya.

Tengku Adnan berkata, apa yang berlaku ialah Nila tidak faham peraturan ketika mahu mengambil gambar di kawasan IKEA semasa mengikuti program mencari harta karun anjuran Lembaga Pelancongan Malaysia, Januari lalu..

Katanya, pengurusan pusat membelibelah tersebut tidak membenarkan Nila mengambil gambar kerana beliau tidak memohon kebenaran terlebih dahulu.

'Saya tak marah'

"Saya tidak marah kepadanya, itu hanya pendapat beliau," katanya.

Beliau menasihatkan wartawan asing yang mahu mengambil gambar pelancongan supaya mendapatkan kebenaran kementeriananya terlebih dahulu untuk mengelak sebarang masalah.

Sementara itu, seorang blogger Ahirudin Atan yang hadir dalam majlis tersebut berkata, Tengku Adnan perlu mengadakan pertemuan dengan para blogger bagi untuk menjernihkan keadaan.

Katanya, ini penting untuk membolehkan beliau memahami tulisan para blogger.

"Saya tidak kata Datuk Seri Tengku Adnan menentang blogger tetapi mungkin tidak memahaminya.

"Para blogger seperti Marina Mahathir, Nuraina Samad dan Susan Loone merupakan nama besar dan tulisannya berwibawa," katanya.

Nila dalam blognya mendakwa, Lembaga Pelancongan Malaysia telah mengundang lebih 190 wartawan dari seluruh dunia untuk menyaksikan Festival Flora sebahagian daripada program Tahun Melawat Malaysia 2007.

Nila yang mewakili SCTV datang bersama 17 wartawan dari 10 media – tujuh media cetak dan tiga setesen televisyen untuk lawatan lima hari dari 25 hingga 30 Januari ini.

Bagaimanapun, beliau mendakwa di kebanyakan tempat beliau tidak boleh mengambil sebarang gambar. termasuk di IKEA, kerana dilarang oleh pengurusan pusat membeli belah berkenaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/64587>